

TARIKH	30 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	26	RUANGAN	Nasional



Syed Razlan dan isteri bersama pelajar UiTM pada **Program Khidmat Masyarakat Taha@U** di Pauh, semalam.

[FOTO AININULNIZA MOHD YUSOF/BH]

Penduduk sertai program Taha@U

Arau: Lebih 100 penduduk bersama Tabung Haji (TH), BH dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau menyertai Program Khidmat Masyarakat Taha@U di Kampung Padang Siding di sini, semalam.

Program sehari bermula jam 9 pagi yang turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pauh, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail, dimulakan dengan gotong-royong membersihkan tanah perkuburan Islam dan kawasan masjid.

Pengarah Tabung Haji Perlis, Wahyudin Tamami, berkata program kemasyarakatan itu bertujuan rapatkan hubungan dengan penduduk setempat serta pelajar universiti, sekali gus memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

“Aktiviti kemasyarakatan ini bukan saja membabitkan penduduk, sebaliknya penyertaan belia dan pelajar bagi memupuk semangat kerjasama,” katanya selepas majlis perasmian Program Khidmat Masyarakat Taha@U di sini, semalam. Hadir sama, Pengurus Besar Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Mohd Saini Mat Som.